

28 FEB 1998

LAPORAN MINGGUAN KLOFFE

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) dijangka lebih kukuh apabila ringgit selanjutnya menjadi teguh dan juga pasaran serantau yang stabil.

Peniaga berkata pasaran akan juga bergantung pada hasil mesyuarat menteri-menteri kewangan Asean yang diadakan pada hari Sabtu serta perubahan pada beberapa dasar kerajaan mengenai pelaburan dan pembelian ekuiti.

"Jika pelabur-pelabur, terutamanya pelabur asing, melihat sesuatu yang positif dilaksanakan, maka pasaran ekuiti dan ringgit akan mengukuh," tambah peniaga itu.

Hasil rundingan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei mungkin juga memberi gambaran untuk pasaran itu.

Para peserta pasaran masih optimis susulan daripada langkah kerajaan melonggarkan syarat berhubung pemilikan ekuiti dalam syarikat-syarikat Malaysia, katanya.

Standard & Poor's yang menurunkan penarafan enam buah bank Malaysia hanya akan meninggalkan kesan sementara pada pembukaan minggu depan kerana agensi penarafan tersebut tidak pula memberikan sebarang perkara yang baru kepada para pelabur, katanya.

Penggabungan bank akan menjadi lebih menarik kepada pelabur-pelabur, kata peniaga itu.

Minggu ini, pasaran dibuka rendah atas kekurangan penunjuk baru tetapi memantul pada hari Selasa berikutan pengumuman oleh penasihat kerajaan Tun Daim Zainuddin bahawa syarikat bukan Bumiputera akan dibenarkan membeli saham syarikat Bumiputera sebagai membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Pasaran juga dibantu oleh keteguhan ringgit yang meningkat kepada 3.6 berbanding dolar Amerika.

Kontrak hadapan Feb yang cukup tempoh pada hari Jumaat ditutup 9.6 mata lebih tinggi kepada 743.6 manakala kontrak Mac meningkat 13.6 mata kepada 744.7.

Jun dan Sept yang tidak diniagakan masing-masing ditutup pada 750.7 dan 757.7.

Kemudahruapan pasaran membolehkan jumlah dagangan melonjak kepada 23,320 lot minggu ini berbanding 15,199 lot minggu sebelumnya.

Kedudukan pembukaan berjumlah 16,052 kontrak. -- BERNAMA

MSL MA